

23/07/1997

Dr Mahathir umum CRFP Sabtu ini

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan Permohonan Untuk Konsep Cadangan (CRFP) untuk empat daripada tujuh aplikasi utama Koridor Raya Multimedia (MSC), hujung bulan ini.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata lima CRFP dikeluarkan untuk kerajaan elektronik, empat untuk teleperubatan dan satu bagi kad pintar.

CRFP bagi kerajaan elektronik ialah berkaitan:

* pelesenan dan pembayaran penggunaan dan perkhidmatan kenderaan berkaitan,

* persekitaran khusus untuk Pejabat Perdana Menteri,

* perolehan elektronik,

* sistem maklumat pengurusan sumber manusia dan

* sistem kawalan projek.

CRFP (singkatan Concept Request for Proposal) ialah pendekatan bagi permohonan cadangan yang biasanya dikeluarkan oleh syarikat atau institusi awam untuk melaksanakan sesuatu projek baru.

Dr Othman berkata, CRFP untuk sekolah bestari merangkumi bahan pengajaran-pembelajaran pintar, sistem penilaian, sistem pengurusan, prasarana teknologi dan sistem persepaduan.

CRFP untuk teleperubatan pula meliputi maklumat dan pendidikan kesihatan umum yang khusus dan disesuaikan, kesinambungan pendidikan perubatan, telerundingan dan perancangan kesihatan seumur hidup.

"Sejurus selepas pelancaran pada 26 Julai ini, syarikat yang berminat boleh mendapatkan salinan asal dokumen CRFP," katanya.

Beliau menyarankan syarikat teknologi maklumat yang berminat mengemukakan CRFP supaya membentuk konsortium - merangkumi syarikat tempatan dan antarabangsa - bagi memudahkan proses pemindahan teknologi.

Keterangan ringkas mengenai CRFP itu boleh juga diakses melalui tapak web MSC di <http://www.mdc.com.my>.

Sementara itu, MDC menerima lebih 70 permohonan untuk status MSC.

Pecahan permohonan ialah:

* Syarikat tempatan	46
* Amerika Syarikat	8
* Eropah	16
* Jepun	5
* India	2

Menurutnya, MDC masih memproses 55 dan menjangkakan mampu memproses dalam masa 30 permohonan syarikat.

Dr Othman juga mengumumkan MSC diterima sebagai anggota ketujuh Advanced Networked Cities and Regions Association (Ancara), persatuan rasmi pertama yang mengumpulkan bandar raya di seluruh dunia yang meneroka penggunaan teknologi maklumat (IT).

Enam kawasan diiktiraf sebagai peneraju penggunaan IT, iaitu Eindhoven (Netherlands), Kansai (Jepun), Orlando dan Lembah Silikon (Amerika Syarikat), Stockholm (Sweden) dan Singapura.

Menurutnya, 15 syarikat yang memperolehi status syarikat MSC dijangka mencatat keuntungan RM13 juta dalam lima tahun beroperasi.

(END)